KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	06.02.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA/ KPDNHEP			



Kenaikan harga barangan dijangka hanya membabitkan peratusan kecil, iaitu antara satu hingga tiga peratus. (Foto hiasan)

Pantau peniaga ambil kesempatan

Kuala Lumpur: Pertambahan kadar elektrik atau surcaj 3.7 sen bagi setiap kilowatt sejam (kWj) kepada sektor komersial dan industri tidak akan menyebabkan kenaikan harga barangan yang ketara kepada pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), T Saravanan, berkata kenaikan harga barangan dijangka hanya membabitkan peratusan kecil, iaitu antara satu hingga tiga peratus.

Beliau bagaimanapun, berkata mungkin ada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan secara melampau dan perkara itu perlu dipantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



T Saravanan

Katanya, industri itu akan mengalami kenaikan kos operasi sekitar lima hingga 15 peratus berikutan surcaj berkenaan.

"Kita tidak boleh lari daripada kenaikan harga dengan pengenaan surcaj ini kerana harga batu arang di dunia sangat tinggi.

"Namun, kita juga faham dalam keadaan pasca pandemik dan banjir ini, ramai yang tidak bersedia untuk menampung kenaikan harga barangan.

"Kenaikan harga barangan akan berlaku, tetapi tidak terlalu tinggi atau memberi kesan komersial. Ia sepatutnya hanya antara satu hingga tiga peratus... kecil sangat. Kalau naik lebih daripada itu, ia adalah pencatutan," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Kebangsaan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia, Ding Hong Sing, yang menjelaskan pengguna perlu sedia berdepan kenaikan harga barang susulan pengenaan surcaj 3.7 sen oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada industri.

Mengulas beban kenaikan harga kepada golongan B40, beliau berkata, kerajaan boleh menambah baik program bantuan untuk mereka.

Kerajaan baru-baru ini bersetuju untuk pemberian rebat dua sen/kWj dikekalkan kepada semua pengguna domestik dan tiada surcaj dikenakan.

Berikutan langkah itu, kerajaan memperuntukkan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM715 juta untuk menanggung kos terbabit.

Kerajaan juga mengumumkan, pengguna bukan domestik seperti komersial dan industri akan dikenakan surcaj Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak 3.70 sen/kWj.